


#PN Sepakat Hebatkan Negeri Sembilan

**MANIFESTO SEPAKAT
PERIKATAN NASIONAL
14 TAWARAN TAMBAHAN**



Beradat • Muafakat • Berkat

Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang pesat membangun dengan kedudukannya yang strategik sebagai pintu masuk ke Lembah Klang. Namun di sebalik kemajuan tersebut, masih ramai rakyat berdepan dengan cabaran kos sara hidup yang semakin meningkat, harga rumah yang sukar dimiliki, peluang pekerjaan bergaji tinggi yang terhad, pembangunan yang tidak seimbang serta kemudahan awam yang memerlukan penambahbaikan.

Perikatan Nasional (PN) percaya bahawa Kerajaan Negeri mesti kembali kepada fungsi asasnya, iaitu membela kebajikan rakyat, memperkukuh ekonomi negeri, merencanakan pertumbuhan ekonomi yang inklusif, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti, menyediakan perumahan mampu milik, memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam serta mentadbir negeri secara amanah, telus dan berintegriti.

Dalam masa yang sama, PN turut menyedari bahawa kedudukan kewangan Negeri Sembilan memerlukan kekuatan fiskal negeri yang tinggi bagi menyokong perancangan ekonomi dan kebajikan rakyat. Oleh itu, setiap tawaran yang dikemukakan dirangka secara bertanggungjawab dengan mengambil kira kemampuan sebenar kewangan negeri, memanfaatkan kerjasama strategik bersama sektor swasta, mengoptimumkan sumber dan perbelanjaan sedia ada serta memastikan kedudukan fiskal negeri kekal mampan.

Menyedari kewajipan mengembalikan semula kestabilan dan kesejahteraan buat rakyat Negeri Sembilan, satu persefahaman politik telah dibina diantara Perikatan Nasional dan Barisan Nasional dalam menghadapi Pilihanraya Negeri Sembilan 2026.

Sebagai lambang semangat persaudaraan, permuafakatan dan komitmen terhadap penyatuan ummah, Perikatan Nasional dan Barisan Nasional telah mengadakan siri perbincangan secara terbuka, matang dan konstruktif bagi meneliti keserasian tawaran serta menyelaraskan aspirasi yang terkandung dalam manifesto masing-masing.

Jiwa besar serta persamaan manifesto kedua-dua gabungan politik akhirnya menatijahkan penggunaan MANIFESTO BARISAN NASIONAL "HEBATKAN SEMULA NEGERI SEMBILAN" sebagai MANIFESTO SEPAKAT PERIKATAN NASIONAL berserta 14 TAWARAN TAMBAHAN PN sebagai pelengkap sebuah komitmen sepakat demi masa depan rakyat Negeri Sembilan yang lebih hebat dan sejahtera.

AYUH SEPAKAT HEBATKAN SEMULA NEGERI SEMBILAN!

#NISMILANKITOJAGO

BERADAT. MUFAKAT. BERKAT.



TERAS

PENTADBIRAN



TERAS

BELIA & KELUARGA



TERAS

EKONOMI



- Pembangunan dashboard
- ▶ Pelaksanaan Manifesto Negeri Sembilan.

- Penambahbaikan Sistem
- ▶ Pengurusan & Pentadbiran Masjid yang mesra kariah.

- Penyediaan Rumah Transit Belia
- ▶ untuk graduan dan pasangan baru berkahwin.

- Perlaksanaan program
- ▶ Pemerkasaan Keluarga Mawaddah.

- Penerokaan dan pembangunan
- ▶ Pelan Ekonomi Biru Negeri Sembilan.

- Penaiktarafan infrastruktur
- ▶ sokongan industri gas dan minyak.

- ▶ Pembangunan pakej pelaburan baharu dalam sektor mineral kritikal, semikonduktor, aeroangkasa, EV, logistik dan ekonomi digital.



- ▶ Pemberian bantuan Prihatin Rakyat dengan sasaran keluarga B40 dan M40 berkomitmen tinggi serta berpendapatan rendah.

- ▶ Penyaluran dana sokongan khas kebajikan & hal ehwal bukan Islam.

- ▶ Penaiktarafan Kolej Yayasan NS (KYNS) yang berteraskan TVET, pendidikan gunaan (applied education), penyelidikan industri dan inovasi.

- ▶ Pemerkasaan Sekretariat TVET Negeri dengan Program Tahfiz TVET.

- ▶ Pemberian Bantuan Persijilan Profesional untuk graduan Negeri Sembilan.

- ▶ Penubuhan Negeri Sembilan Talent Corporation (NTC) sebagai pusat pembangunan bakat dan kepakaran masa depan dalam bidang AI, teknologi hijau, semikonduktor, keselamatan siber, ekonomi digital dan automasi termaju.

- ▶ Penubuhan Pusat Padanan Pekerjaan Negeri Sembilan untuk sektor pelancongan & industri terkini.

TERAS

KEBAJIKAN



TERAS

PENDIDIKAN



TERAS

PEKERJAAN



Undilah Calon PERIKATAN NASIONAL

PRN NEGERI SEMBILAN 2026

PERIKATAN
NASIONAL



UNDILAH 投票 வாக்களியுங்கள்



Beradat • Muafakat • Berkat | 5

UNDILAH PERIKATAN NASIONAL



Diterbit dan dicetak oleh:

Parti Perikatan Nasional Negeri Sembilan.

Perikatan Nasional Negeri Sembilan
KOMPAS Kg Ismail,
Kampung Jiboi Baru, 70400 Ampangan,
Negeri Sembilan Darul Khusus.